

EKONOMI & KERJA

SG perlu bangun kapasiti hasilkan apa yang dunia perlu masa krisis

Chun Sing: Mesti dapat tarik syarikat pemaju vaksin dan syarikat kejuruteraan jitu

SINGAPURA mesti mengukuhkan kedudukannya dalam rantaian nilai sejagat dengan membangunkan kapasiti untuk menghasilkan apa yang diperlukan dunia dalam masa krisis, kata Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing.

Negara ini juga mesti dapat menarik syarikat berdaya hasil tinggi atau *frontier companies* – yang didefinisikan sebagai firma dalam 10 peratus pengagihan produktiviti teratas – daripada pemaju vaksin hingga ke syarikat dalam kejuruteraan jitu.

Ini akan memastikan Singapura tidak dapat digantikan dengan mudah, kata Encik Chan di Persidangan Semakan Ekonomi Singapura Kesembilan semalam.

Sidang tiga hari itu, yang bermula di Hotel Hilton Singapore di Orchard Road, mengumpulkan ahli akademik dan pemimpin perniagaan untuk membincangkan peluang dan cabaran dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dalam dunia pasca-Covid-19.

Ia dianjurkan jurnal Singapore Economic Review, yang editornya ialah pengerusi profesor ekonomi Albert Winsemius Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Profesor Euston Quah.

Dalam ucapannya, Encik Chan menyentuh tentang enam peralihan global utama yang akan menjadi latar belakang ekonomi bagi 50 tahun mendatang, dan enam langkah yang perlui diambil Singapura sebagai respon.

Beliau berkata Singapura mesti mempelopori bentuk ketersambungan baru dan memperkuatkannya yang sedar ada, termasuk mengembangkan status hab pelabuhan dan rangkaian logistik sejagat sementara menyambung semula rancangan bagi Lapangan Terbang Changi.

Namun, ini tidak mencukupi, terutamanya sedang data dan kewangan – pendaya baru pertumbuhan – tidak terbatas oleh geografi.

“Kita perlu merebut peluang hasil ketersambungan data, kewangan, bakat, teknologi dan peraturan,” tambah beliau.

“Ketersambungan piawaian dan peraturan teknologi untuk menggalakkan keupayaan menggandangkan



PERLU REBUT PELUANG: Menurut Encik Chan Singapura perlu merebut peluang hasil ketersambungan data, kewangan, bakat, teknologi dan peraturan dalam ucapannya di Persidangan Semakan Ekonomi Singapura Kesembilan, semalam.

. Foto BH oleh FELINE LIM

satu sistem dengan satu sistem yang lain dalam dunia yang berpecah-bebah akan menjadi satu lagi sumber kelebihan berdaya saing buatan manusia bagi Singapura,” kata beliau.

Membina rangkaian bakat baru juga penting, kata Encik Chan.

“Kita perlu menghapuskan perpecahan bakat buatan antara orang tempatan dengan orang asing. Persoalan ke hadapan bukanlah berapa ramai orang tempatan dan orang asing yang kita ada di Singapura. Per-

soalannya ialah berapa ramai orang – kedua-dua tempatan dan asing – yang boleh kita ada dalam rangkaian bakat global Singapura,” kata beliau.

Beliau menambah bahawa kayu

pengukur kejayaan juga seharusnya bukan berapa banyak pekerjaan diwujudkan di sini untuk rakyat Singapura, tetapi berapa banyak syarikat global yang boleh diwujudkan Singapura dan berapa ramai

bakat global yang boleh diaksesnya.

Singapura juga mesti kekal berprinsip di tengah-tengah arus geopolitik yang berubah, yang bermakna memahami dan berhubung dengan negara-negara di luar kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China, kata beliau.

“Kita tidak memihak. Kita mengambil kedudukan berdasarkan kepentingan negara dan prinsip yang paling menyokong penakat dan kejayaan jangka panjang kita,” kata beliau.

Singapura mesti menjadi platform pilihan untuk kerjasama dalam dunia yang berpecah-bebah, di mana negara berbeza boleh berhubung dalam persekitaran yang boleh dipercayai dan berdasarkan peraturan, kata beliau.

Ini bermakna undang-undang mesti berkembang, terutamanya yang berkaitan dengan hak cipta intelektual, pengurusan data dan

“Kita perlu menghapuskan perpecahan bakat buatan antara orang tempatan dengan orang asing. Persoalan ke hadapan bukanlah berapa ramai orang tempatan dan orang asing yang kita ada di Singapura. Persoalannya ialah berapa ramai orang – kedua-dua tempatan dan asing – yang boleh kita ada dalam rangkaian bakat global Singapura.”

– Menteri Pendidikan,
Encik Chan Sing

perkhidmatan kewangan.

Sementara itu, Singapura juga mesti mengambil pendekatan pragmatik dalam peralihan karbon untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar, kata Encik Chan.

“Selain mencari ‘industri hijau’ baru, kita perlu ‘menghijaukan semua industri’ setakat yang boleh,” kata beliau.

“Membangunkan sumber tenaga rendah karbon alternatif akan menjadi keutamaan untuk campuran tenaga kita,” tambah beliau.

Akhir sekali, Singapura perlu menyergarkan semula kompak sosialnya supaya semua orang maju bersama, kata Encik Chan.

Ini bukan hanya sekadar membayar cukai tetapi juga mengambil tindakan, seperti setiap syarikat sedarhananya atau besar menjadikannya satu keperluan untuk mengambil bekerja seseorang daripada latar belakang yang kurang bermasib baik.